

FORMAT PERTANDINGAN TARANNUM JAMAIE

KATEGORI : LELAKI / PEREMPUAN

PENYERTAAN : 10-12 ORANG PESERTA BAGI SETIAP KUMPULAN DARI
SEMUA MRSM

Peraturan Umum Pertandingan Tarannum Jamaie.

1. Penyertaan :

- 1.1 Peserta terbuka kepada semua pelajar Islam lelaki dan perempuan yang sedang menuntut di MRSM sahaja.
- 1.2 Semua maktab diwajibkan untuk menghantar wakil maktab masing-masing.
- 1.2 Penyertaan adalah secara berpasukan (10-12 orang).
- 1.3 Setiap maktab hendaklah menghantar 1 pasukan sahaja samada pasukan lelaki ataupun pasukan perempuan.

2. Lagu, Surah Dan Persembahan :

- 2.1 Setiap kumpulan **WAJIB** mempersembahkan tiga lagu tarannum bermula dengan menggunakan lagu Bayati iaitu sebagai lagu **WAJIB**. Peserta pertama dikehendaki menyampaikan bacaan tilawah al-Quran bertarannum dan peserta lain mengulangi kembali secara beramai-ramai.
- 2.2 Surah yang diwajibkan dalam pertandingan ini ialah surah **LUQMAN**.
- 2.3 Persembahan mestilah dirakam melalui rakaman video yang Berkualiti Tinggi dengan saiz 16:9. Rakaman tersebut mestilah disimpan di dalam bentuk CD dan dihantar kepada pihak penganjur pada tarikh yang akan ditetapkan.
- 1.4 Sebarang editing pada video yang dirakam adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 2.5 Video yang dirakam mestilah hakcipta sendiri dan tulen bukannya menggunakan kaedah miming dan seumpamanya.
- 2.6 Sekiranya pengubahsuaian didapati berlaku pada rakaman video tersebut pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan kumpulan yang terlibat.
- 2.7 Keputusan hakim adalah MUKTAMAD.

3. Pakaian :

- 3.1 Pakaian peserta lelaki, baju kebangsaan yang lengkap;
- 3.2 Pakaian peserta perempuan, baju kurung atau jubah dan bertudung.

4. Masa Persembahan

- 4.1 Masa persembahan bagi setiap kumpulan ialah 10 minit

- 4.2 Setiap kumpulan boleh membaca seberapa banyak ayat asalkan tidak melebihi jangka masa 10 minit.
- 4.3 Penilaian dan pemarkahan hanya akan dikira sepanjang 10 minit tersebut. Markah tidak akan dikira selepas 10 minit berlalu.

5. Bentuk bacaan

- 5.1. Setiap kumpulan wajib membaca secara **tartil**
- 5.2. Bacaan mestilah mengikut riwayat Hafs 'an A'sim menurut Tariq Syathibie.
- 5.3. Diwajibkan mempersembahkan tiga alunan lagu dalam bacaan yang dipilih oleh peserta sendiri termasuk lagu Bayati iaitu sebagai lagu Wajib.

6. Cara Penghakiman

- 6.1 Penghakiman Tarannum Jamaei ini dibahagikan kepada 4 bahagian, dengan pecahan markah seperti berikut :
 - i. Tajwid 30 markah
 - ii. Tarannum 20 markah
 - iii. Keseragaman 20 markah
 - iv. Suara 15 markah
 - v. Fasahah 15 markah
- 6.2 Seandainya didapati ada mana-mana pasukan yang mendapat markah yang sama, markah tajwid akan diambil kira untuk menentukan kemenangan.

PERINGATAN

1. Keputusan hakim adalah muktamad.
2. Sebarang pertanyaan berkaitan **Pertandingan Tarannum Jamaie** boleh menghubungi Penyelaras Pertandingan iaitu **Ustaz Muhammad Huda Bin Razali** di talian **0196983857**.
3. Tarikh tutup pendaftaran penyertaan (secara atas talian) : **16 Jun 2017 (Jumaat)**.
4. Hasil karya hendaklah dimuatnaik selewat-lewatnya pada **11 Julai 2017** ke alamat emel @ melalui *Google drive* **ihfifal2017@gmail.com**
5. Sekiranya tidak dapat berbuat demikian, CD hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia pendaftaran pada hari pendaftaran penginapan.
6. Semua hasil karya adalah menjadi hak milik **Bahagian Pendidikan Menengah Mara (BPM)**.
7. Peserta yang menyertai pertandingan yang melibatkan video sahaja **TIDAK DIBENARKAN HADIR**.